

# Pakar sifatkan syor Najib, Anwar boleh dilaksana

**Kuala Lumpur:** Cadangan dikemukakan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika perdebatan kedua-duanya malam kelmarin, disifatkan boleh dilaksana bagi menyelesaikan kemelut Sapura Energy Bhd, kata beberapa ahli akademik ekonomi.

Pensyarah Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin, berkata pelaksanaan cadangan dikemukakan itu perlu dibuat mengikut keutamaan dalam usaha mengelakkan Sapura Energy diisytiharkan muflis.

“Krisis dialami Sapura Energy Bhd perlu diselesaikan segera sebelum syarikat itu diisytiharkan muflis dengan cadangan pengambilalihan oleh PETRONAS adalah lebih baik, berbanding pilihan ‘bailout’ berdasarkan keupayaan dan kepakaran dimiliki syarikat minyak negara itu.

“Strategi ‘bailout’ juga tidak kurang bagusnyanya di mana opsiyen ini pernah dilaksanakan pada 1990-an, seperti ‘bailout’ yang dibuat kepada syarikat Malaysia Airlines (MAS), Perwaja Steel Sdn Bhd dan juga pelbagai lagi skandal kewangan yang teruk berlaku pada tahun tempoh berkenaan akibat daripada kesilapan pelaksanaan dasar penswastan pada ketika itu.

“Selain itu, opsiyen ‘bailout’ yang dicadangkan Najib juga pernah dilakukan di AS, dengan mengambil contoh AIG dan juga Citi Group. Maksudnya, strategi ini terbukti berkesan dan adanya ‘template’ sebagai panduan,” katanya.

Mengulas lanjut, Irwan Shah berkata, pelaksanaan audit forensik juga adalah satu cadangan yang baik, namun isu berkaitan Sapura Energy memerlukan pen-

dekatan keutamaan.

“Saya berpandangan Sapura Energy ini perlu diselamatkan terlebih dahulu dengan adanya cadangan dasar ekonomi dan strategi kewangan yang boleh menyelesaikan masalah, bukannya mencari siapa yang salah. Mencari siapa yang salah boleh dilakukan kemudian.

“Kedua-dua syor Najib dan Anwar wajar dilaksanakan. Namun pada ketika ini, kita perlu menyelesaikan masalah dahulu, lepas itu barulah mencari siapa yang salah,” katanya.

Sementara itu, penganalisis ekonomi dari Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata bank tempatan perlu memberi pinjaman jangka pendek kepada Sapura Energy bagi mengelakkan syarikat diisytiharkan muflis, dengan audit forensik juga perlu dilaksanakan serentak.

Katanya, situasi Sapura Energy sudah kritikal, maka tempoh waktu yang pendek dan ketat perlu digunakan sebaik mungkin tanpa dilengahkan lagi, kerana ia turut membabitkan kakitangan, vendor dan pembekal yang masih menunggu pembayaran.

“Bank boleh mempertimbang untuk menyalurkan pinjaman jangka pendek untuk memastikan Sapura Energy kekal bertahan, sambil audit forensik dilaksanakan,” katanya.

Aimi Zulhazmi berkata, campur tangan PETRONAS untuk menyelamatkan Sapura Energy hanya diputuskan selepas audit forensik bagi mengetahui masalah sebenar yang dihadapi syarikat minyak dan gas (O&G) itu.

“Kita kena tahu apa masalah sebenar yang dihadapi Sapura Energy. Audit perlu dijalankan secara komprehensif. Kita tidak mahu ‘salah ubat untuk merawat’ syarikat ini,” katanya.